

Headline **MIMOS CoE uji mutu perisian**
 Date **19 Aug 2010**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Ekonomi**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
 Page No **28,29**
 Article Size **703 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **30,971**
 PRValue **92,914**



MOHAMED REDZUAN menunjukkan bahan uji kaji di makmal MIMOS.

TEKNOLOGI

Oleh **Shaharizan Salian**
 shaharizan@bharuan.com.my

MIMOS CoE uji mutu perisian

Sasar lebih banyak syarikat guna khidmat makmal

SEBERAPA syarikat yang mengusahakan perisian atau peralatan perlu mengetahui sama ada produk dihasilkan itu bertepatan dengan baik dan diterima oleh pasaran.

Produk yang dibangunkan itu perlu diuji oleh badan bertauliah bagi memastikan ia memenuhi standard amana banas sebelum boleh dikomersialkan.

Ujian seperti itu biasanya membabitkan kos yang agak tinggi, bergantung kepada tempoh pelaksanaan serta proses yang perlu dilalui.

Di Malaysia, satu-satunya kemudahan lengkap serta canggih bagi menguji perisian dan peralatan terdapat di Pusat Kecekapan Ujian MIMOS (MIMOS CoE) yang mula ditubuhkan sejak 2006.

Makmal berkenaan menyediakan kemudahan strategi penujian menyeluruh, pengurusan ujian dan jaminan kualiti yang diperibadikan oleh semua produk perisian dan peralatan.

MIMOS CoE merangkumi tiga jenis makmal yang dilengkapi peralatan penujian moden iaitu Makmal Ujian Sistem yang beroperasi pada 2007, Makmal Ujian Boleh Guna yang dibangunkan pada 2008 serta Makmal Ketahanan dan Pematahan Standard yang baru dilancarkan tahun lalu.

Pengarah MIMOS CoE, Mohamed Redzuan Abdullah, berkata sehingga kini makmal berkenaan sudah melaksanakan proses ujian untuk kira-kira 100 projek yang dihasilkan



MEMANTAU pekerja membuat ujian perisian di makmal.

“Jumlah projek yang diuji itu seimbang antara syarikat tempatan dan multinasional. Ia turut merangkumi projek berkaitan teknologi maklumat (IT) dan bukan IT. Kami mempunyai kelengkapan untuk melaksanakan ujian sedemikian bagi memantau pergerakan mata penjujukan laman web yang dibangunkan”

Mohamed Redzuan Abdullah
 Pengarah MIMOS CoE

kan syarikat tempatan dan multinasional beroperasi di Malaysia.

Katanya, ujian yang dilaksanakan itu membabitkan proses menilai prestasi, fungsi, keselamatan, daya tahan produk dan kebolegunaan.

“Jumlah projek yang diuji itu seimbang antara syarikat tempatan dan multinasional. Ia turut merangkumi projek berkaitan teknologi maklumat (IT) dan bukan IT,” katanya ketika ditemui pada layanan ke makmal itu yang terletak di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil.

Mohamed Redzuan berkata, ujian yang dilaksanakan oleh MIMOS CoE merangkumi analisis kompetitif dan perbandingan untuk menentukan daya maju sesebuah produk yang diuji berbanding stan-

dard serta landasan pasaran.

Beliau menunjukkan contoh bagaimana reka bentuk sesebuah laman web boleh diterima oleh pengunjung menerusi ujian pengesanan mata.

“Kami mempunyai kelengkapan untuk melaksanakan ujian sedemikian bagi memantau pergerakan mata penjujukan laman web yang dibangunkan pelanggan. Menerusi sampel kajian itu, kami boleh mengetahui kawasan mana yang kerap dipaparkan pengunjung sekali-gusa memandangkan keputusan dibuat bagi meletakkan ruang iklan dan sebagainya,” katanya.

Mohamed Redzuan berkata, MIMOS CoE kini mempunyai kepakaran domain dalam bidang seperti pertanian, perkomputeran awan, pendidikan, kewangan, kerajaan

dan elektronik, logistik, media dan penyelidikan, aplikasi mudah alih, sistem pengawasan, telekomunikasi dan tanpa wayar.

“Makmal ini juga pernah menemui tahap keberkesanan teknologi Wi-Fi dan WiMax di Malaysia,” katanya.

Beliau menambah, MIMOS CoE semakin menjadi pilihan bagi syarikat melaksanakan

ujian adalah berikutan kos yang kompetitif berbanding menjalankan ujian serupa di luar negara seperti yang berlaku sebelum ini.

“Kami mengantikan caj yang cukup wajar bergantung kepada proses dan keperluan yang dikehendaki oleh pelanggan. Proses itu pula menjamin kos kerana MIMOS menggunakan peralatan sumber terbuka,” katanya.

Bagi menguji ketahanan produk, beliau berkata Makmal Ketahanan di MIMOS CoE berupaya menyediakan analisis mekanikal, fizikal, elektrik yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan standard seperti ISO, MIL-IPC dan JEDEC.

“MIMOS CoE berada pada landasan tepat untuk menjadi pusat ujian perisian dan peralatan serantau kerana kami mempunyai kepakaran bertaraf dunia, kepakaran domain, penguji profesional bertauliah dan penyediaan penujian secara konsisten,” katanya.

Mengui ke depan, Mohamed Redzuan berkata MIMOS menasar lebih banyak syarikat tempatan mengambil peluang ujian menguji perisian atau peralatan di makmal itu.

“Apabila mereka mahu memasarkan produk terbahit ke luar negara, syarikat itu perlu memenuhi standard tertentu,” katanya.